



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

NEWS AND ARTICLES

BENGKEL ASAS PENGURUSAN KEWANGAN PERKASAKAN USAHAWAN BELIA MUKAH DI BAWAH PROGRAM PROPUB

Penulis: Dr. Muhammad Shahimi Ariffin, Siti Nur Atiqah Mohd Shafie, Muhammad Zulkhairi Zakariah, Amira Hazwani Anuar, dan Joycelyne Nyandang



Peserta menjalankan aktiviti semasa program

Sebagai salah satu modul di bawah Program Pemerkasaan Usahawan Berjaya (PRO PUB), Bengkel Asas Pengurusan Kewangan Perniagaan Belia Mukah berjaya menghimpunkan seramai 60 orang usahawan belia dari Mukah, Oya, Dalat dan Igan dalam program yang berlangsung selama dua hari, pada 19 dan 20 Julai 2025 di Hotel Kingwood Mukah. Bengkel anjuran bersama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah dengan Jabatan Perdagangan serta Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan, Politeknik Mukah Sarawak ini dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian, YB Royston Valentine.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan kepentingan penguasaan ilmu kewangan dalam kalangan usahawan belia sebagai asas kepada kelangsungan perniagaan yang mampan, sekaligus menyokong pembangunan ekonomi setempat. Bengkel ini memberi fokus kepada empat modul utama iaitu Klasifikasi Akaun, Dokumen Perniagaan sebagai Rekod Kewangan, Pengurusan Tunai Perniagaan (Buku Tunai), serta Penyimpanan Dokumen Perniagaan dan Proses Semakan Dokumen. Modul berkenaan dikendalikan oleh penceramah berpengalaman, Cik Masraya binti Sait dan Pn. Hajah Hasnah binti Ngah, dengan dibantu barisan fasilitator iaitu Cik Siti Nur Atiqah Mohd Shafie, Cik Amira Hazwani Anwar, En. Muhammad Zulkhairi Zakariah, serta Dr. Muhammad Shahimi Ariffin.

NEWS AND ARTICLES

BENGKEL ASAS PENGURUSAN KEWANGAN PERKASAKAN USAHAWAN BELIA MUKAH DI BAWAH PROGRAM PROPUB (samb.)

Antara objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada belia tentang cara mengurus kewangan perniagaan dengan baik, melatih mereka menyediakan rekod perakaunan dan laporan akhir akaun, membantu merancang kewangan termasuk mengurus hutang secara berhemah, serta memperkenalkan kaedah penyimpanan rekod yang sistematik.

Selain memberi manfaat kepada peserta, penganjur turut menekankan bahawa kolaborasi strategik antara UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Politeknik Mukah Sarawak dan komuniti setempat dapat memperkukuh daya saing usahawan muda serta meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui perkongsian kepakaran.

Seorang peserta ketika ditemui menyatakan, bengkel ini sangat membantu dalam menyediakan panduan praktikal untuk mengurus kewangan perniagaan, sekaligus memberi keyakinan kepada mereka untuk memperluaskan potensi perniagaan masing-masing.

Dengan sambutan yang menggalakkan, penganjur yakin modul di bawah Program PROPUB ini akan terus menjadi wadah penting dalam memperkasakan generasi usahawan belia yang berdaya tahan dan berdaya saing.





Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9